

## **Penglibatan Pelajar Tahun Satu Dalam Aktiviti Kolej Kediaman Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim.**

Hassan Hushin & Junaidah Md. Salleh

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak** : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar tahun satu terhadap kebaikan melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman. Begitu juga dengan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman. Objektif seterusnya ialah untuk mengenalpasti tahap penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif iaitu dengan menggunakan soal selidik bagi mengumpul data. Responden kajian terdiri daripada 333 orang pelajar tahun satu dari enam buah kolej kediaman lingkaran dalam di Universiti Teknologi Malaysia. Data maklumat yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Packages For The Social Sciences*” versi 14.0 dan penghuraian berdasarkan frekuensi, peratus dan min. Hasil kajian yang didapati oleh pengkaji menunjukkan persepsi pelajar terhadap kebaikan melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman adalah tinggi. Pengkaji juga mendapati faktor-faktor rakan sebaya, minat, ibu bapa dan kemudahan yang disediakan mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan tahap penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman berada pada tahap sederhana. Disamping itu beberapa cadangan dikemukakan sebagai langkah membantu dalam meningkatkan penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman.

*Katakunci* : aktiviti kolej kediaman, penglibatan pelajar

### **Pengenalan**

Pendidikan adalah satu proses berterusan yang lahiriah berlaku dalam kehidupan setiap manusia yang tertakluk kepada interaksi individu tersebut dan persekitarannya. Individu akan terus terlibat dalam proses pembelajaran sebagai satu cara untuk meneruskan kehidupan. Menurut Robiah Sidin (1998), pendidikan ialah satu istilah yang umum mengikut tujuan dan konteks penggunaannya. Sungguhpun demikian, ertinya adalah kabur dan kompleks. Kabur kerana ia mempunyai pengertian yang berbagai-bagai, dan berbeza mengikut konteks atau keadaan ia digunakan, dan kompleks kerana ia tidak hanya menghasilkan satu proses yang tersendiri atau satu kenyataan tertentu yang tepat.

Ilmu bukan sahaja boleh diperolehi daripada pembelajaran formal, malah ia juga berlaku secara tidak formal dan bukan formal. Pembelajaran formal ialah pembelajaran bersistem seperti belajar di sekolah atau universiti. Pembelajaran tidak formal ialah pembelajaran tidak bersistem seperti menghadiri kuliah fardhu ain, mendengar ceramah, perbincangan, seminar mahupun bengkel yang dianjurkan oleh persatuan. Manakala pendidikan bukan formal pula adalah terhasil daripada interaksi antara individu dengan pihak luar serta alam sekitar (Kit Pelajar Cemerlang, 2008).

Ini membuktikan bahawa seorang pelajar bukan sahaja memperoleh ilmu melalui program pembangunan formal semata-mata. Kecemerlangan kognitif atau akademik tidak menjamin kecemerlangan pemikiran, sosial, keagamaan dan emosi seseorang. Namun, ianya harus diseimbangkan dengan pendidikan tidak formal seperti kegiatan kokurikulum. Di Universiti Teknologi Malaysia, Bahagian Pembangunan dan Aktiviti Pelajar (P & A) telah

ditubuhkan di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Ia merupakan unit yang memberi khidmat kepada semua persatuan, kelab, Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM) dan juga sebagai penasihat kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dalam menguruskan program dan aktiviti (Buku Panduan Pelajar, 2008).

Menurut Mohd Yusof Hj Othman (1993), pembangunan insan harus lebih diseimbangkan antara ruhani dan jasmani, antara intelek dan emosi dan bermotivasi tinggi, yang bercita-cita tinggi, pandai merancang hidupnya, mempunyai keterampilan yang mampan, tahu menilai prestasi diri dan beradab, berakhlak dan beretika.

### **Pernyataan Masalah**

Kecemerlangan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial amat dititikberatkan oleh Universiti Teknologi Malaysia. Oleh itu, untuk pembangunan pelajar secara pendidikan tidak formal, setiap kolej kediaman telah mengatur sebuah organisasi terancang dengan biro masing-masing untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kolej kediaman yang berbentuk ilmiah dan bermanfaat kepada setiap penghuni kolej terutamanya pelajar baru yang masih mentah dan perlu diberi panduan. Namun, sambutan daripada pelajar adalah tidak menggalakkan. Kadangkala penglibatan dalam setiap aktiviti lazimnya datang dari individu yang sama sementara yang lain tidak ingin mengambil tahu langsung.

Oleh itu, pengkaji ingin mengenalpasti persepsi pelajar tahun satu terhadap aktiviti kolej kediaman. Kajian ini juga untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman. Selain itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji:

1. Mengetahui persepsi pelajar tahun satu terhadap kebaikan melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman.
2. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman.
3. Mengetahui tahap penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingannya yang tertentu. Antaranya ia dapat memberi maklumat dalam membantu pengkaji di Malaysia untuk mengenalpasti persepsi pelajar tahun satu Universiti Teknologi Malaysia Skudai terhadap aktiviti kolej kediaman yang dijalankan.

Hasil kajian ini juga mampu dijadikan sebagai satu saluran untuk pelajar tahun satu mengemukakan komen dan pendapat mereka mengenai aktiviti kolej kediaman kepada pihak pentadbir kolej dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Maklumbalas adalah penting untuk memastikan aktiviti yang dilaksanakan berkesan dan mencapai matlamat. Oleh itu maklumbalas yang diperolehi dari kajian ini akan membolehkan pihak-pihak yang berkenaan memperbaiki elemen-elemen penting didalam sesuatu aktiviti yang akan dijalankan.

Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu pihak kolej kediaman mendapat gambaran yang sebenar tentang pengendalian program agar pelajar benar-benar merasakan aktiviti yang disertai bermanfaat dan diyakini. Adalah menjadi harapan pengkaji agar hasil kajian ini akan menjadi panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk merancang serta menganjurkan aktiviti atau

program samada pada peringkat kolej kediaman mahupun universiti secara lebih baik dan berkesan.

Diharapkan kajian ini berupaya memberi garis panduan kepada pihak pentadbir universiti untuk membentuk kurikulum formal atau tidak formal yang bersesuaian dengan keperluan pelajar. Penyataan ini memang nyata dapat melahirkan generasi muda yang berkeyakinan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berilmu pengetahuan.

### Reka Bentuk Kajian

Menurut Othman Mohamed (2001), reka bentuk kajian ialah suatu panduan tentang pendekatan kaedah yang sesuai digunakan bagi sesuatu kajian. Ia digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat. Ia merupakan salah satu aspek yang penting bagi mendapatkan hasil dapatan yang baik dan menjawab terus kepada persoalan kajian yang dibina.

Kajian yang dijalankan pengkaji adalah berbentuk deskriptif iaitu secara tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Perlaksanaan soal selidik ini dijalankan sendiri oleh pengkaji dengan cara bertemu dengan responden di kolej kediaman pelajar yang terlibat. Menurut Azizi Yahaya, etc (2007), tinjauan deskriptif bertujuan mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan atau ciri populasi.

### Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini populasi adalah terdiri daripada pelajar tahun satu peringkat Sarjana Muda di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 2449 orang yang menetap di enam buah kolej kediaman. Menurut Sidi Gazalba (1981), sekiranya seluruh populasi tidak mungkin diselidiki secara langsung, maka jalan keluar bagi pengkaji ialah mengambil sebahagian sahaja dari populasi atau disebut sampel.

Dalam kajian ini, proses persampelan yang dijalankan adalah secara rawak berlapis, iaitu dengan cara responden dipilih secara rawak berdasarkan bilangan yang ditetapkan daripada enam kolej kediaman. Kaedah persampelan berlapis ini dipilih kerana pengedaran borang soal selidik mudah dilaksanakan. Saiz sampel kajian ditentukan berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejcie R. V. dan Morgan D. W (1970). Seramai 333 sampel dipilih daripada populasi yang berjumlah 2449 orang seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 1 : Bilangan Pelajar Tahun Satu**

Bil	Kolej Kediaman Pelajar	Bilangan Populasi, N	Peratus, %	Sampel, S
1	Kolej 11	304	12.41	41
2	Kolej Tun Dr. Ismail	376	15.35	51
3	Kolej Rahmar Putra	489	19.97	67
4	Kolej Tun Fatimah	500	20.42	68
5	Kolej Tun Razak	380	15.52	52
6	Kolej Tun Hussein Onn	400	16.33	54
<b>Jumlah</b>		<b>2449</b>	<b>100</b>	<b>333</b>

Contoh pengiraan (dari sumber Azizi Yahaya, 2007):

- Untuk mendapatkan sampel dari Kolej Tun Dr. Ismai:=  $(333 / 2449) \times 376 = 51$

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah berbentuk soal selidik yang dibina sendiri dan sesetengahnya merujuk kepada item-item kajian lepas yang berkaitan dengan persoalan kajian. Pengkaji menggunakan soal selidik kerana ianya lebih sesuai dan praktikal, berkesan dan efektif serta menjimatkan kos perbelanjaan. Soal selidik ini juga boleh mengelakkan daripada berlaku 'bias' seperti yang kebanyakannya sering berlaku kepada pihak temu bual. Selain itu, instrumen seperti ini juga akan member peluang kepada responden untuk berfikir semasa menjawab. Setiap soal selidik mengandungi 4 bahagian iaitu:

**Bahagian A :** Bahagian ini mengandungi maklumat diri iaitu latar belakang responden seperti jantina, bangsa, status perkahwinan dan kolej kediaman yang dihuni. Responden dikehendaki menandakan ( ✓ ) atau menyatakan pada ruang yang disediakan.

**Bahagian B :** Bahagian B mengandungi item-item bagi pengkaji mendapatkan maklum balas responden berkaitan dengan persepsi pelajar tahun satu terhadap kebaikan melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman. Pengkaji mengemukakan 10 item dalam bahagian ini. Item-item tersebut dibahagikan kepada 5 aspek iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Responden dikehendaki membulatkan angka yang terdiri daripada 1 hingga 5 ( Skala Likert ) yang terdapat disebelah jawapan yang dipilih. Sekala Likert adalah seperti berikut:-

1. Amat tidak setuju ( STS ).
2. Tidak setuju ( TS ).
3. Tidak pasti ( TP ).
4. Setuju ( S ).
5. Amat setuju ( SS ).

**Bahagian C :** Manakala Bahagian C pula mengandungi 20 item yang merujuk kepada persoalan kajian yang merangkumi faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman. Item-item tersebut dibahagikan kepada empat faktor iaitu minat, rakan sebaya, ibu bapa dan kemudahan yang disediakan. Dalam bahagian ini juga, responden dikehendaki membulatkan angka yang terdiri daripada 1 hingga 5 ( Skala Likert ) yang terdapat disebelah jawapan yang dipilih. Sekala Likert adalah seperti berikut:-

1. Amat tidak setuju ( STS ).
2. Tidak setuju ( TS ).
3. Tidak pasti ( TP ).
4. Setuju ( S ).
5. Amat setuju ( SS ).

**Bahagian D :** Bahagian C pula adalah berkaitan dengan persoalan bagi pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan tahap penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman. Terdapat 8 item yang dikemukakan dalam bahagian ini. Responden dikehendaki membulatkan angka yang terdiri daripada 1 hingga 5 ( Skala Likert ) yang terdapat disebelah jawapan yang dipilih. Sekala Likert adalah seperti berikut:-

1. Amat tidak setuju ( STS ).
2. Tidak setuju ( TS ).
3. Tidak pasti ( TP ).
4. Setuju ( S ).
5. Amat setuju ( SS ).

## Kajian Rintis

Dalam kajian ini, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 15 orang pelajar dari Kolej Tun Dr. Ismail yang dipilih secara rawak bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian. Analisis telah dibuat terhadap kajian rintis yang dijalankan dan didapati nilai alpha yang diperolehi mencapai 0.913. Oleh itu tahap kebolehpercayaan bagi item-item borang soal selidik yang dibina adalah tinggi.

## Analisis Data

**Jadual 2 : Dapatan Keseluruhan Kajian**

Bil	Persoalan Kajian	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Purata Min	Tahap
1	Sejauh manakah persepsi pelajar tahun satu terhadap kebaikan melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar?	62.9 %	25.5%	11.6 %	4.03	Tinggi
2	Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman pelajar?	50.9 %	30.0 %	19.1 %	3.64	Sederhana
3	Sejauh manakah tahap penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman pelajar?	31.6 %	30.2 %	38.1 %	2.87	Sederhana

Secara keseluruhannya, bagi menjawab persoalan pertama 62.9 % responden bersetuju bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej kediaman mendatangkan kebaikan dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Manakala sebanyak 25.5 % lagi menyatakan ketidakpastian mereka dengan dan selebihnya iaitu 11.6 % menyatakan tidak setuju. Berdasarkan pemeringkatan skala skor min, nilai min keseluruhan yang ditunjuk oleh persoalan pertama kajian ini berada pada tahap tinggi dengan min 4.03. Ini menunjukkan responden setuju bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej kediaman mendatangkan kebaikan dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Manakala bagi persoalan kedua berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman pelajar berada pada tahap sederhana. Min keseluruhan item adalah 3.64 dengan sebanyak 50.9 % responden bersetuju bahawa faktor minat, rakan sebaya, ibu bapa dan kemudahan yang disediakan mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman. Manakala sebanyak 30.0 % lagi menyatakan ketidakpastian mereka dan selebihnya iaitu 19.1 % menyatakan tidak setuju. Ini menunjukkan responden setuju bahawa faktor minat, rakan sebaya, ibu bapa dan kemudahan yang disediakan merupakan faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman

Seterusnya tahap penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman bagi menjawab persoalan ketiga berada pada tahap sederhana dengan peratus setuju keseluruhannya sebanyak 31.6 %, tidak setuju 38.1 % dan tidak pasti 30.2 %. Berdasarkan pemeringkatan skala

skor min, nilai min keseluruhan yang ditunjuk oleh persoalan ketiga kajian ini berada pada kedudukan sederhana dengan min 2.87.

## **Perbincangan**

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengemukakan sepuluh item bagi menjawab persoalan pertama. Item-item tersebut dibahagikan kepada lima aspek kebaikan iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Daripada hasil dapatan yang dianalisis, nilai min keseluruhan untuk kelima-lima aspek berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.03. Ini menunjukkan bahawa pelajar tahun satu sedar tentang kebaikan dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial jika melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman dengan peratusan keseluruhan yang bersetuju, tidak pasti dan tidak bersetuju masing-masing mencatat nilai 62.9 %, 25.5 % dan 11.6 %.

Hasil dapatan kajian ini membuktikan pelajar tahun satu mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kebaikan melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman dari aspek jasmani. Sebanyak 74.8 % responden bersetuju dengan item-item yang dikemukakan iaitu dari aspek jasmani yang mana merupakan peratusan tertinggi dibandingkan dengan aspek-aspek lain. Responden bersetuju dengan kenyataan aktiviti kolej kediaman dapat meningkatkan kesihatan dan dan kecergasan minda. Ia selaras dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Fadzir (1998), mendapati aktiviti kokurikulum mampu membentuk kesihatan berserta membentuk otot-otot fizikal yang kemas dan kuat.

Pengkaji juga mendapati pelajar tahun satu mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kebaikan dari aspek sosial. Ini dibuktikan dengan sebanyak 73.3 % responden bersetuju dengan kenyataan aktiviti kolej kediaman yang dijalankan dapat meluaskan hubungan sosial. Pengkaji-pengkaji lepas seperti Bucher (1978) (dalam Zuraidah Awaludin, 2003) dan Mohd Fadzir (1998) juga mendapati aktiviti kokurikulum yang dijalankan mampu membentuk perkembangan sosial seseorang individu itu.

Dari aspek rohani, sebanyak 63.0 % responden bersetuju dengan kenyataan aktiviti kolej kediaman menyumbang kepada pembentukan sahsiah. Ia selaras dengan pengisian Konvensyen Felo UTM, 2007 yang mana membincangkan pelaksanaan aktiviti kolej adalah untuk meningkatkan sahsiah seseorang pelajar. Kenyataan ini turut di sokong dengan hasil kajian Mohd Fadzir (1998), menunjukkan pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum mempunyai peribadi tingkah laku yang lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar yang tidak aktif.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mueller dan Reznik (1965) (dalam Noriza Hijaz, 2002) mendapati nilai terpenting bagi kegiatan kokurikulum ialah mampu mematangkan fikiran dan mental serta emosi pelajar. Zuraidah (2003) juga mendapati bahawa aktiviti kokurikulum memberi kesan yang positif terhadap kecerdasan mental dan fizikal pelajar, kesan terhadap pencapaian akademik pelajar dan kesan terhadap sahsiah diri pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar sedar akan kebaikan yang ada dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati pelajar tahun satu mempunyai persepsi pada tahap yang sederhana terhadap kebaikan aktiviti kolej kediaman dari aspek emosi apabila hanya 46.7 % responden yang bersetuju dengan item-item dari aspek emosi yang dikemukakan.

Sememangnya matlamat aktiviti kolej kediaman selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang mana adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani di samping sahsiah diri yang baik. Justeru itu adalah diharapkan agar pelajar-pelajar sentiasa sedar akan kepentingan melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman disamping mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Untuk menjawab persoalan kedua dalam kajian ini, pengkaji telah mengemukakan 20 item. Item-item tersebut dibahagikan kepada empat faktor iaitu faktor minat, rakan sebaya, ibu bapa dan kemudahan yang disediakan. Daripada hasil dapatan yang dianalisis, nilai min keseluruhan untuk keempat-empat faktor berada pada tahap sederhana iaitu 3.64. Ini menunjukkan bahawa faktor minat, rakan sebaya, ibu bapa dan kemudahan yang disediakan mempengaruhi penglibatan pelajar tahun satu dalam aktiviti kolej kediaman apabila purata peratusan keseluruhan yang bersetuju, tidak pasti dan tidak bersetuju untuk semua item dalam persoalan ini masing-masing mencatat nilai 50.9 %, 30.0 % dan 19.1 %.

Bagi faktor rakan sebaya, pengkaji telah mengemukakan lima item. Daripada hasil dapatan yang dianalisis, menunjukkan faktor rakan sebaya mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 3.95. Ini membuktikan rakan sebaya merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar tahun satu untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman apabila purata peratusan untuk faktor rakan sebaya yang bersetuju, tidak pasti dan tidak bersetuju masing-masing mencatat nilai 63.0 %, 21.6 % dan 15.4 %. Ia selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Chieng Zouh Fong (2000) yang mana mendapati pelajar siswi Universiti Teknologi Malaysia melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman kerana dipengaruhi oleh rakan sebaya. Antara dapatan kajian yang dijalankan oleh E Pei Sze (2007) juga mendapati rakan sebaya merupakan faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Kebanyakan pelajar mengikuti rakan sebaya mereka untuk menyertai sebarang aktiviti.

Kesemua responden pengkaji adalah pelajar tahun satu dan berada dalam lingkungan umur yang hampir sama. Golongan ini mempunyai selera identiti yang sama dan membolehkan mereka saling bertukar fikiran dan pendapat. Dalam situasi begini, mereka lebih gemar menghabiskan waktu bersama rakan sebaya dan berkongsi idea apatah lagi apabila berjauhan dengan keluarga kerana berada di kampus. Ini menyebabkan pelajar lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam membuat sesuatu keputusan. Malahan, ada juga pelajar yang lebih mementingkan rakan sebaya berbanding dengan keluarga kerana sesetengah pelajar berpendapat rakan lebih memahami diri dan jiwa mereka. Melalui item 16 sebanyak 59.2 % responden bersetuju bahawa penglibatan secara aktif oleh rakan-rakan dalam aktiviti kolej kediaman menarik minat pelajar untuk menyertainya. Ia selaras dengan dapatan kajian pengkaji-pengkaji lepas seperti Abd. Mutalib (1996), Mustafa Kamal (2000) dan Zuraidah (2003) yang juga mendapati rakan mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum.

Bagi faktor minat pula, sebanyak lima item yang dikemukakan. Daripada hasil dapatan yang dianalisis, sebanyak 53.0 % yang bersetuju bahawa minat mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej kediaman manakala 29.6 % tidak pasti dan 17.3 % selebihnya menjawab tidak setuju. Nilai min yang diperoleh juga berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.71. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Mustafa Kamal (2000) yang mana juga menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 3.79 bagi faktor minat. Dalam kajian beliau sebanyak 77.1 % pelajar bersetuju bahawa faktor minat mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Kenyataan ini turut disokong dari hasil kajian Mohd Ab. Fattah (1996) yang mendapati antara faktor yang dianggap memainkan peranan dalam mempengaruhi penglibatan pelajar dengan aktiviti kampung pelajar adalah faktor minat.

Kajian yang dijalankan oleh Abd. Mutalib (1996), Mustafa Kamal (2000), Zuraidah (2003), Muzlifah (2004) dan Jaharah (2006) juga mendapati nilai peratusan setuju yang tinggi bagi faktor minat sebagai faktor pendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Ini membuktikan bahawa minat memainkan peranan penting dalam membuat sesuatu keputusan serta kejayaan sesuatu proses pembelajaran. Minat dan kecenderungan boleh mempengaruhi

pelajar untuk terus berusaha ke arah mencapai kejayaan yang diidami. Apabila seseorang pelajar itu sudah mempunyai minat yang mendalam, maka ia akan berusaha sehingga berjaya. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati responden bersetuju bahawa perancangan aktiviti kolej kediaman harus mengambil kira aspek minat dan bakat yang ada pada mahasiswa. Sebanyak 72.4% pelajar yang bersetuju dengan pernyataan ini.

Kenyataan ini disokong dari dapatan kajian yang dijalankan oleh Zulkifli Abdul Majid (2003). Berdasarkan kepada analisis data yang diperolehi menunjukkan bahawa kemudahan prasarana merupakan satu perkara yang penting bagi guru-guru untuk menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah. Tahap tinggi ini menunjukkan bahawa kemudahan prasarana merupakan faktor penting dalam menjalankan kegiatan kokurikulum. Kebanyakan responden mengetahui bahawa apabila kemudahan prasarana lengkap dan mencukupi serta teratur maka kegiatan kokurikulum akan dapat dijalankan dengan baik dan sistematik. Kajian yang dijalankan oleh Mustafa Kamal (2000) juga mendapati pihak sekolah kurang menitikberatkan penyediaan peralatan yang mencukupi bagi menampung keperluan dan kegunaan pelajar. Ini menyebabkan pelajar kurang berminat untuk menghadirkan diri dalam aktiviti kokurikulum sekolah.

Dalam kajian ini juga, pengkaji telah mengemukakan lapan item bagi menjawab persoalan seterusnya. Daripada hasil dapatan yang dianalisis, nilai min keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu 2.87 yang mana hampir kepada tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar tahun satu masih kurang melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman dengan peratusan keseluruhan yang bersetuju, tidak pasti dan tidak bersetuju masing-masing mencatat nilai 31.6 %, 30.2 % dan 38.1 %. Dapatan kajian ini selaras dengan ucapan pengarah Bahagian Pembangunan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, P.M. Dr Mohd Fauzi Hj Ramlan dalam Konvensyen Felo UTM, 2007 yang mana ada menyebut penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak pengurusan sentiasa di bawah jangkaan yang diharapkan. Oleh itu antara harapan HEP kepada felo adalah supaya meningkatkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kolej. Sambutan yang diberikan amatlah menyedihkan dibandingkan dengan masa dan perbelanjaan yang telah digunakan untuk persediaan.

Dapatan kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Saaban Salim (dalam pembentangan kertas kerja dalam Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan, 1996) yang mana mendapati antara sahsiah negatif yang ada pada pelajar IPT sekarang ialah tidak pro-aktif dalam kegiatan seperti kokurikulum dan aktiviti kemasyarakatan. Ada sebilangan pelajar yang berpendapat keaktifan dalam bidang kokurikulum akan menjejaskan prestasi akademik. Pelajar juga dikatakan kurang berminat untuk berpesatuan dalam membantu masyarakat.

Pelajar tahun satu Universiti Teknologi Malaysia seharusnya mengambil berat tentang penglibatan mereka dalam aktiviti kolej kediaman. Menurut Rejal Arbee (2005), selain penekanan terhadap pencapaian akademik, pelajar MCKK juga dididik dalam suasana penuh disiplin, berdaya saing dan dikehendaki menceburkan diri dalam pelbagai kegiatan sukan dan kokurikulum yang lain. Penceburan dalam pelbagai kegiatan inilah yang berjaya memupuk dan mendidik pelajarnya menjadi insan yang berkeperibadian tinggi, penuh dengan rasa tanggungjawab dan bersahsiah cemerlang.

## **Rujukan**

Astin, A. (1999). *Student Involvement: A Developmental Theory for Higher Education*. Journal of College Student Development, 40 (5), 518-529.



- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, et all (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sd. Bhd.
- Burton, M. D. (1993). *Identifying Potential Participants For College Extracurricular Activities*. *Journal of College Student*, 15 (3): 251-251.
- Chieng Zouh Fong (2000). *Persepsi Dan Sikap Mahasiswi Terhadap Aktiviti Kolej Kediaman Pelajar UTM, Sekudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Dina C. Maramba (2008). *Immigrant Families and The College Experiences: Perspective of Filipina Americas*. *Journal of College Student Development*, 49 (4): 336-350.
- E Pei Sze (2007). *Persepsi, Minat dan Faktor-faktor Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum di Sebuah Sekolah Menengah di Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Hall S. L., Scott Forrester and Melissa Bursz (2008). *A Constructivist Case Study Examining the Leadership Development of Undergraduate Students in Campus Recreational Sports*. *Journal of College Student Development*, 49 (2): 125-140.
- Jawatankuasa Penerbitan Khas Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (1993). *Pendidikan di Malaysia: Arah & Cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarudin Hj. Kanchar (1989). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hj Othman (1993). *Pembangunan Pelajar: Di Mana Salahnya?*. Petaling Jaya: QI Consultants Sdn. Bhd.
- Mustafa Kamal bin Ali (2000). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Melayu Tingkatan Empat Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Rancangan Felda Daerah Segamat Selatan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Muzlifah binti Saadon (2004). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Tingkatan Empat Aliran Vokasional Dalam Menjalankan Aktivit Keusahawanan Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Noriza Hijaz (2002). *Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Setelah Perlaksanaan Sistem Meritokrasi. Satu Tinjauan Di Lima Buah Sekolah Di Sungai Petani, Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi Malaysai Skudai (1997). *Buku Panduan Pelajar 2008*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Prosiding Seminar (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.